

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5/12/2007

PM jamin terus sediakan suasana ekonomi kondusif

Oleh ROZAMAN ISMAIL

PUTRAJAYA 4 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan terus menyediakan suasana ekonomi yang kondusif bagi menarik pelaburan asing ke negara ini.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai trek rekod yang baik berhubung amalan dasar terbuka dalam ekonomi sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Kita akan meneruskannya dalam usaha menggalakkan para pelabur datang ke sini dan dasar terbuka kita berjaya menarik lebih banyak syarikat-syarikat asing ke negara ini," kata Perdana Menteri.

Abdullah memberitahu demikian ketika ditemu ramah oleh Editor Eksekutif *Forbes* dan Editor *Forbes Asia*, Tim Ferguson sempena Anugerah 50 Terbaik *Forbes* dan Ahli Perniagaan Terbaik *Forbes Asia* di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ditanya bagaimana Malaysia mengimbangi kepentingan untuk menarik para pelabur global dan pada masa yang sama mempertahankan kepentingan tempatan, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan mempunyai dasar berhubung kaum bumiputera dan kaum-kaum lain.

Katanya, dasar-dasar itu terbukti berjaya. Malah, menurut Abdullah, banyak syarikat asing dari Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun datang melabur dan

mahu terus kekal di negara ini.

"Kita berupaya meliberalkan dasar kita dengan baik dalam banyak cara. Kita galakkan syarikat-syarikat luar datang melabur ke sini dan pada masa yang sama kita melindungi kepentingan syarikat tempatan," katanya lagi.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis yang sama Abdullah berkata, sejak budaya peningkatan prestasi diperkenalkan dalam sektor awam dan swasta, prestasi syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) menampakkan perubahan besar.

Sebagai contoh, kata beliau, setakat 30 November lalu pasaran modal 20 GLC terbaik meningkat lebih daripada 83 peratus atau kira-kira RM121 bilion.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam tempoh yang sama jumlah pulangan ke atas pemilik saham syarikat-syarikat berkenaan ialah 24.4 peratus pada kadar pertumbuhan tahunan mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur sebanyak 3.3 peratus.


"Usaha merubah wajah GLC ini dilakukan dengan beberapa cara, antaranya memperkenalkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI), memperkukuhkan urus tadbir selain membawa masuk kepimpinan baru yang berupaya menyuntik tenaga dan idea-idea baru yang ternyata membuahkan hasil," katanya.

Pada majlis itu Abdullah juga mahu syarikat-syarikat tempatan terus berusaha meningkatkan kecemerlangan sehingga berjaya disenaraikan dalam 50 syarikat terbaik Asia suatu hari nanti.

um - 5/12/2007

Kita akan meneruskannya dalam usaha menggalakkan para pelabur datang ke sini dan dasar terbuka kita berjaya menarik lebih banyak syarikat-syarikat asing ke negara ini

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi ditemu ramah oleh **Tim Ferguson** di majlis penyampaian Anugerah 50 Syarikat Perniagaan Terbaik Majalah *Forbes* 2007 di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam.